



## KENYATAAN MEDIA

### PERKESO LANCAR APLIKASI PRIHATIN, HARGAI MAJIKAN DAN TOKOH PEKERJA SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS PERKESO

**KUALA LUMPUR** – Bersempena dengan Sambutan Jubli Emasnya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menganjurkan **Majlis Gala Sambutan Jubli Emas PERKESO**, hari ini. Bertemakan “**Prihatin Lima Dekad dan Selamanya**”, majlis gala ini diadakan bagi merai dan menyantuni pemegang taruh seperti majikan, pekerja, anggota PERKESO dan mereka yang telah banyak menabur jasa dan bakti kepada agensi ini sepanjang 50 tahun ditubuhkan.

Sempena dengan acara kemuncak bagi Sambutan Jubli Emas itu juga, PERKESO turut melancarkan aplikasi mudah alih dikenali sebagai **Aplikasi PRIHATIN PERKESO**. Aplikasi inovatif ini menyediakan kemudahan dan pengalaman digitalisasi kepada rakyat Malaysia khususnya buat pencarum PERKESO untuk mendapatkan informasi terkini mengenai caruman mereka hanya di hujung jari. Ia meliputi caruman bagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Selain boleh mendapatkan maklum balas dan informasi terkini berkaitan produk PERKESO, aplikasi mesra pengguna ini juga boleh digunakan bagi membuat permohonan SIP Prihatin 2.0 atau Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Sehingga hari ini, Aplikasi PRIHATIN PERKESO yang boleh dimuat turun secara percuma melalui App Store/Google Play ini telah dimuat turun lebih **38,100** kali. Dengan adanya aplikasi ini, PERKESO berhasrat untuk terus memperkasa dan menyediakan jaringan perlindungan sosial yang lebih komprehensif dan menyeluruh kepada pemegang taruhnya, selari dengan visi agensi untuk menjadi ‘Peneraju Keselamatan Sosial yang Unggul, Komprehensif dan Dinamik’.

Majlis pelancaran Aplikasi PRIHATIN PERKESO ini telah disempurnakan oleh **YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Hj Awang Hashim**, Timbalan Menteri Sumber Manusia, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn dan YB Dato’ Sri Richard Riot Anak Jaem, mantan Menteri

Sumber Manusia, YBhg. Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia (KSM), En. Maniam Arumugam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) KSM dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO.

Dalam majlis yang sama, PERKESO turut menyampaikan **tiga (3) Anugerah Prihatin Jubli Emas PERKESO** sebagai tanda penghargaan agensi ini kepada majikan dan individu yang telah banyak memberikan sumbangan secara positif kepada pembangunan PERKESO sepanjang 50 tahun penubuhannya. Penerima bagi kategori **Anugerah Majikan Prihatin (Syarikat Besar)** telah diberikan kepada syarikat **Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)**, manakala bagi kategori **Anugerah Majikan Prihatin (Syarikat Kecil Sederhana)** pula diberikan kepada **Ideal Health Care Sdn. Bhd.** Majlis ini turut menyaksikan **Raja Shamri Raja Husin**, Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Yayasan Raja Shamri dinobatkan sebagai penerima **Anugerah Tokoh Prihatin** atas kecemerlangan dan jasa beliau memperjuangkan isu-isu kebajikan dan kemanusiaan.

Pelbagai acara dan program menarik telah dilaksanakan bagi menyemarak lagi Sambutan Jubli Emas PERKESO. Antaranya ialah pertandingan fotografi 'PERKESO GRAPHY', Pertandingan Mencipta Jingle, Pertandingan Debat Perlindungan Keselamatan Sosial, Anugerah Media PERKESO 2021 serta Karnival PenjanaKerjaya 50 Tahun PERKESO. Program-program berbentuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) juga turut diatur seperti "Clean The Planet", Program Bersama Ibu Tunggal, Anak Angkat PERKESO dan 'Jelajah Prihatin'. Bagi mewarnai Sambutan Jubli Emas ini juga, PERKESO turut menghasilkan logo istimewa ulang tahun ke-50nya. Logo yang telah direka khas oleh anggota PERKESO sendiri iaitu, En. Muhammad Nur Isyraq Mustapha Kamal menggarapkan elemen dan suntikan warna emas pada angka 50 tahun dan bangunan ibu pejabat PERKESO di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Segala maklumat berhubung aktiviti-aktiviti sepanjang Sambutan Jubli Emas PERKESO boleh didapati di laman web rasmi [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) serta platform media sosial rasmi PERKESO dari semasa ke semasa.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Strategik**

**26 November 2021**

**Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 atau S. Retnanathan di talian +6016 – 2555 602.**